



Lembar fakta awal KESELAMATAN api

Bagaimana ibu bapa dan penjaga dapat mencegah luka bakar dan luka air panas

Ibu bapa dan penjaga perlu mengetahui bahawa kanak-kanak yang sangat kecil berfikir dan berkelakuan dengan cara yang berlainan berbanding dengan orang dewasa. Contohnya, jika terjadi kebakaran, mereka lebih mungkin akan menyembunyikan diri daripada melarikan diri. Adalah tanggungjawab orang dewasa untuk meramalkan bahaya.

Awasi kanak-kanak sepanjang masa

Kebanyakan kecederaan terjadi semasa kegiatan sehari-hari yang biasa di keliling rumah. Banyak kemalangan terjadi apabila kanak-kanak tidak diawasi. Ibu bapa harus hadir semasa sebarang situasi di mana dan pada bila-bila masa terdapat kemungkinan untuk luka bakar dan luka air panas.

Kelakuan keselamatan api bergantung pada:

- Kesedaran tentang risiko dan mengetahui apa yang harus dilakukan untuk mengurangkan risiko tersebut
- Pengawasan yang mencukupi untuk kanak-kanak
- Teladan positif oleh ibu bapa / penjaga
- Ibu bapa / penjaga mengawal atau menghapuskan bahaya tersebut

Memahami minat kanak-kanak dalam api

Banyak kanak-kanak menunjukkan minat dalam api semasa kecil. Mereka mungkin bertanya tentang api, bermain ‘masak-masak’, atau berlakon sebagai ahli bomba. Tanda yang paling umum tentang minat dalam api adalah duduk dekat dan melihat api, menguit-nguit api atau meminta bantuan untuk membuat atau menyalakan api atau lilin.

Bagi sesetengah kanak-kanak, minat ini boleh mengakibatkan bermain dengan api (menyalakan mancis atau pemetik api) atau memulakan api. Kegiatan tersebut menimbulkan risiko yang amat besar terhadap kanak-kanak tersebut dan keluarganya. Banyak kebakaran rumah mengakibatkan kematian kanak-kanak.

Dengan berwaspada tentang bahaya luka bakar, luka bakar air dan api, anda dapat mengambil tindakan untuk mencegah hal-hal ini dan mengelakkan kecederaan.

Untuk maklumat lanjut:

Kidsafe (Kanak-kanak Selamat)

www.kidsafevic.com.au

Royal Children's Hospital (Hospital Diraja Kanak-kanak)

www.rch.org.au

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



www.cfa.vic.gov.au



www.mfb.vic.gov.au



Lembaga Api Negara (Country Fire Authority (CFA)) dan Dewan Perkhidmatan Api dan Kecemasan Metropolitan (Metropolitan Fire and Emergency Services Board (MFB)) menyediakan maklumat dan bahan ini atas pengurusan bahawa anda berhati-hati apabila digunakan. Jika anda tidak pasti tentang penggunaan maklumat ini dalam keadaan anda yang tertentu, anda harus mendapatkan nasihat pakar lanjut. CFA dan MFB tidak menerima tanggungjawab atas kerana, anda menggunakan, memstarkan atau berfungsi pada maklumat yang diberi. CFA dan MFB tidak menerima sebarang liabiliti atas kerugian atau sebarang kerugian atau sebarang akibat penggunaan maklumat ini oleh anda, sama ada kerana ketidaklengkapatan, kesilapan atau kekurangan yang tidak sengaja atau sebarang sebab lain.